

GELANDANGAN DAN PERLAKUAN JENAYAH; SATU DISKUSI KRITIKAL

Homelessness and Criminal Behaviour; A Critical Discourse

Mohd Alif bin Jasni^{123*}, Siti Hajar Abu Bakar Ah⁴, Noralina Omar⁴, & Nurmahfuzah Razak⁴

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah

²Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah

³Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur

⁴Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

⁵Asian Research Institute for Governance (ARICG), Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010 Kedah

Abstract

Homelessness is not a new social problem in Malaysia. Rapid urbanisation contributes to the growing number of homeless communities. The emergence of homelessness in Malaysia, especially in cities such as Kuala Lumpur, Johor Bahru, and Georgetown, render a negative perception of the country, particularly among foreigners. In addition, there is a thought that homeless people tend to get involved in criminal activities. Among the criminal acts often associated with homeless people are stealing, robbery, and substance abuse. This concept paper discusses the antecedent factors that make these homeless people involved in crime. Involvement in crime also leads to various effects on society and the country. This concept paper concludes with a discussion and views on remedying the homeless population in the country.

Keywords: Homelessness, criminal activity, criminal behavior, impact of crime, remedy

* Penulis Koresponden

Pendahuluan

Jumlah gelandangan di Malaysia menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Malahan, jumlah gelandangan dikatakan bertambah sebanyak 10 kali ganda sejak beberapa tahun yang lalu. Umpamanya pada tahun 2016, jumlah gelandangan yang berjaya direkodkan adalah seramai 1,500 hingga 2,000 orang gelandangan (Nur Syuhadah, & Siti Sarah, 2020). Angka ini mungkin melebihi daripada angka yang direkodkan kerana terdapat kebarangkalian yang tinggi wujudnya angka gelap; iaitu individu-individu gelandangan yang tidak tercatat ataupun direkodkan di dalam statistik. Terdapat individu atau sekumpulan keluarga yang hidup secara bergelandangan namun tidak direkodkan ke dalam sistem. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang langsung tidak diketahui oleh pihak kerajaan.

Kehidupan gelandangan boleh bersifat jelas kelihatan (*visible*) atau tidak kelihatan (*invisible*). Terdapat individu yang boleh dikategorikan sebagai gelandangan disebabkan oleh keadaan rumah; misalnya perlu berkongsi tandas, ketiadaan pengudaraan yang baik, ketiadaan tempat memasak yang lengkap dan sebagainya. Individu yang hidup dalam keadaan berkenaan terkategori sebagai keadaan bergelandangan. Malahan, terdapat juga orang gelandangan yang sering berubah-ubah dari segi tempat tinggal. Terdapat suatu masa di mana mereka berjaya menyewa bilik sewa dan bertukar menjadi gelandangan apabila gagal membayar sewa.

Bilangan orang gelandangan semakin membimbangkan. Kementerian Wilayah Persekutuan merekodkan seramai 3,325 individu pernah mendaftar masuk ke Pusat Transit Gelandangan dari Februari 2020 hingga Februari 2021 (Muhammad Amnan, 2021). Pada masa yang sama juga, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun memaklumkan bahawa sebanyak 23 pusat transit gelandangan telah pun dibuka terutama di kawasan bandar raya dan 87 peratus penghuninya adalah lelaki. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan gelandangan tertinggi iaitu hampir 50 peratus daripada 1,283 orang di seluruh negara; diikuti Johor seramai 248 orang dan Sarawak berjumlah 145 orang (Muhammad Amnan, 2021).

Kertas konsep ini membincangkan perkaitan antara hidup gelandangan dengan perlakuan jenayah. Kehidupan di jalanan menyebabkan golongan gelandangan cenderung untuk terlibat dengan aktiviti jenayah. Mohd Jamilul (2020) mendapati masalah sosial yang sering dilakukan oleh golongan gelandangan adalah jenayah dadah, mencuri motosikal, ragut dan bergaduh.

Bagaimana hidup bergelandangan menyumbang kepada perlakuan jenayah perlu difahami dengan baik kerana ia menyumbang kepada pemahaman yang baik terhadap isu sosial ini, yang seterusnya menyumbang kepada pengesyoran tindakan-tindakan remedi berkesan yang boleh diambil bagi menangani masalah gelandangan dalam negara.

Komuniti Gelandangan

Gelandangan merupakan satu permasalahan sosial yang melibatkan individu yang tidak menentu perihal tempat kediaman dan pekerjaannya dan sentiasa berubah-ubah tempat tinggalnya. Gelandangan sering mempamerkan kehidupan *nomadic*. Mereka sering tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap dan stabil. Golongan gelandangan tidak menjadikan tempat tidur dan kediaman sebagai suatu keperluan yang perlu dipenuhi dengan selesa, selamat dan tetap. Kebanyakan gelandangan memilih untuk tidur di laluan kaki lima atau bangunan perniagaan. Walaupun mereka mempunyai pendapatan, penggunaan pendapatan yang diperolehi lebih terfokus kepada keperluan lain seperti dadah dan arak yang mereka fikirkan lebih penting (Mohd Alif et al., 2021a). Memandangkan orang gelandangan boleh memperoleh makanan secara percuma daripada dermawan dan NGO, mereka cenderung untuk menggunakan duit yang ada untuk membiayai ketagihan mereka terhadap dadah atau arak.

Isu gelandangan telah lama wujud dan didapati berlaku semenjak zaman Nabi Muhammad S.A.W lagi. Golongan gelandangan pada ketika zaman Nabi Muhammad S.A.W dikenali sebagai "Banu Mudhar" atau perkataan yang mudah difahami ialah golongan melarat (Abdul Halim & Ahmad Effat, 2019; Mohd Shukri, 2016). Bagi konteks Malaysia, gelandangan dilaporkan telah muncul sejak zaman kolonial lagi dan secara umum peningkatan jumlah gelandangan adalah sejak zaman pendudukan Jepun dan kemerdekaan (Aswab, 1984). Hal ini kerana gelandangan boleh turut terjadi akibat peperangan dan penjajahan yang menyebabkan berlakunya kemiskinan yang tidak dapat dielakkan.

Menurut Syazwani (2016), perkataan gelandangan juga turut diguna pakai oleh negara Indonesia. Namun, makna daripada skop gelandangan di negara Malaysia dan Indonesia sama sekali tidak menunjukkan keadaan atau situasi yang sama walaupun penggunaan istilah adalah sama. Malaysia tidak ada pelabelan khas untuk golongan gelandangan. Gelaran komuniti jalanan hanyalah disebabkan mereka membentuk satu komuniti apabila hadir secara beramai-ramai di sesuatu tempat. Malahan, terdapat juga panggilan rakan

jalanan bagi merujuk golongan ini. Ini kerana kehidupan gelandangan bersifat berkonsentrasi secara beramai-ramai.

Isu gelandangan tidak lagi asing di kebanyakan negara di seluruh dunia; sama ada negara tersebut dikategorikan sebagai negara mundur, negara sedang membangun atau negara maju seperti Amerika, Jepun dan China. Penulis mendapati isu gelandangan semakin rancak dan tidak menunjukkan sebarang pengurangan dalam tempoh masa terdekat. Walaupun pelbagai polisi dan perkhidmatan diperkenalkan bagi membantu golongan gelandangan ini, masih belum ada jalan penyelesaian yang sesuai kepada isu sosial ini. Ketiadaan formula yang tepat dalam menyelesaikan isu gelandangan menjadikan masalah ini kritikal untuk dibincangkan secara kritis.

Pada tahun 2020, Amerika telah mencatat sebanyak lebih daripada 500,000 orang yang telah merasai pengalaman menjadi gelandangan (Khurshid & Gadnis, 2019). Negara maju turut merekodkan tentang situasi individu yang berakhir menjadi gelandangan di kebanyakan bandar besar. Di Malaysia, golongan gelandangan boleh ditemui di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai dengan kadar kepadatan penduduk yang tinggi; terutamanya di kawasan bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor (Muhammad Ammar & Mohd Anuar 2017). Penghijrahan dan penumpuan secara beramai-ramai di kawasan bandar boleh terjadi atas pelbagai faktor; antaranya seperti mendapatkan peluang pekerjaan, penolakan keluarga, menginginkan kebebasan, penumpuan rakan senasib dan akses kepada makanan (Mohd Alif et al., 2018; Mohd Alif et al., 2021).

Faktor-faktor yang Mendedahkan Komuniti Gelandangan kepada Aktiviti Jenayah

Literatur menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang saling berkait yang mendedahkan komuniti gelandangan kepada aktiviti jenayah. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

Status gelandangan sebagai satu stigma antisosial

Keterlibatan komuniti gelandangan banyak disumbangkan oleh status golongan gelandangan sebagai bekas banduan dan penjenayah. Ramai orang gelandangan mempunyai rekod jenayah lampau dan masih terlibat dalam aktiviti jenayah; terutamanya aktiviti dadah. Kehidupan yang kronik sering membuatkan

mereka ini lebih terdedah kepada tingkah laku jenayah dan merupakan antara yang sering berulang kali masuk ke dalam sistem keadilan jenayah.

Pelbagai laporan akhbar yang telah melaporkan penglibatan golongan gelandangan ini ke dalam jenayah. Muhammad Afham (2021) contohnya melaporkan tentang tangkapan ke atas seorang gelandangan yang melakukan pecah masuk dan merosakkan barangan di Surau Madrasathul Gouthiyyah, Brickfields. Berdasarkan hasil saringan ujian air kencing, gelandangan tersebut telah didapati positif dadah. Keterlibatan orang gelandangan ini dalam jenayah tersebut berlaku kerana beliau tiada hala tuju dan tidak mempunyai pekerjaan. Pengangguran dan ketiadaan sebarang pendapatan yang tetap meninggalkan kesukaran hidup yang melampau. Tekanan sebegini menjadi sebab mengapa orang gelandangan tersebut memilih aktiviti jenayah sebagai salah satu cara untuk memperoleh kewangan dengan mudah.

Puspavathy (2014) mendapati kebanyakan orang gelandangan hidup dalam keadaan marah disebabkan oleh perasaan lapar yang perlu ditanggung. Kehidupan yang sering berlapar menjejaskan kesihatan emosi mereka. Kesukaran untuk berfikir dengan waras yang boleh berpunca daripada kedaifan hidup yang kronik ini mendorong mereka menjadi tidak rasional, yang kemudiannya mendorong kepada pembuatan keputusan ke arah tingkah laku devian dan jenayah sebagai saluran untuk memenuhi keperluan hidup mereka.

Penglibatan dalam aktiviti jenayah juga cenderung membuatkan orang gelandangan menghadapi stigma dan didiskriminasi oleh masyarakat. Penglibatan dalam kancah jenayah secara berterusan membentuk suatu pandangan buruk oleh masyarakat terhadap golongan ini. Masyarakat sering mempunyai pandangan atau persepsi buruk terhadap golongan gelandangan. Bagi masyarakat, golongan ini tidak mungkin dapat berubah dan akan berterusan melakukan tingkah laku jenayah. Stigma, diskriminasi dan label negatif yang dikenakan oleh masyarakat terhadap orang gelandangan memberi kesan kritikal dalam peluang orang gelandangan mendapatkan pekerjaan, akses kepada perkhidmatan, layanan dan sebagainya. Akibatnya, mereka melakukan aktiviti jenayah bagi memenuhi keperluan hidup.

Ekologi sosial yang tidak kondusif dan bersifat destruktif

Keadaan persekitaran boleh menjadi penyumbang aktiviti jenayah. Ekologi sosial yang tidak kondusif dan bersifat destruktif memburukkan lagi kehidupan bergelandangan, yang kemudiannya mendorong kepada pembiakan

aktiviti jenayah dalam kalangan komuniti gelandangan. Faizah et al. (2015) melaporkan, kes jenayah dalam kalangan gelandangan semakin membimbangkan di kawasan bandar-bandar besar kerana keadaan persekitaran. Hal ini berlaku apabila kepadatan penduduk di sesuatu kawasan turut membawa kepada persaingan yang terlalu tinggi. Tempat tinggal yang tidak teratur dan pergaulan yang tidak sihat boleh menyumbang kepada persekitaran yang tidak kondusif dan boleh mendatangkan pelbagai gejala sosial yang akhirnya berlaku jenayah.

Penumpuan gelandangan secara beramai-ramai turut boleh mempengaruhi jenis tingkah laku dan aktiviti yang dilakukan dalam kalangan mereka. Keadaan hidup di jalanan sering membawa kepada kehadiran rakan-rakan senasib. Kebanyakan rakan-rakan yang hadir ini berkongsi ciri-ciri karakteristik yang hampir serupa seperti mempunyai masalah ketagihan, menganggur atau tidak mempunyai pekerjaan yang stabil, mengalami penolakan keluarga, mempunyai pelbagai penyakit kronik dan sebagainya. Rakan-rakan sebegini sebenarnya mempunyai pengaruh yang buruk sehingga menyebabkan sebahagian daripada mereka terjebak dengan tingkah laku anti sosial atau jenayah. Menurut Rohayu et al. (2015), pengaruh rakan sebaya menarik orang gelandangan untuk melakukan kegiatan jenayah seperti merompak, meragut, pecah rumah dan menagih dadah.

Ketagihan dadah

Penglibatan dadah dalam kalangan gelandangan adalah tinggi (Mohd Alif et al., 2021a). Kebanyakan orang gelandangan memilih keseronokan menerusi pengambilan dadah. Keseronokan ini seringkali berkait rapat dengan peluang dan aksesibiliti kepada dadah, aktiviti mencuri yang membawa kepada pendapatan, dan melakukan aktiviti mengemis. Pendek kata, orang gelandangan tidak dapat lari daripada ketagihan dadah. Kenyataan ini disokong oleh laporan akhbar Bernama (2021) yang telah melaporkan penangkapan 25 gelandangan yang didapati terbabit dengan dadah. Lebih membimbangkan lagi penglibatan dadah dalam kalangan gelandangan turut melibatkan kanak-kanak. Ia dilaporkan oleh Utusan Borneo Online (2016) tentang penangkapan seorang kanak-kanak berusia 11 tahun bersama ibunya yang positif dadah di Miri, Sarawak.

Pengambilan dadah untuk tempoh masa yang lama menyebabkan mereka melihat dadah sebagai keperluan asas yang perlu dipenuhi. Seringkali berlaku apabila membeli dadah adalah jauh lebih penting dari membeli

makanan. Hal ini berpunca dari akses makanan yang senang diperoleh menjadikan keperluan membeli makanan menjadi tidak penting. Mohd Syalmizi (2021) melaporkan tentang kewujudan kelompok gelandangan di sekitar bandar Butterworth yang terlibat dengan ketagihan dadah. Mereka bekerja sebagai ulat *parking* dan mengemis untuk membeli dadah dan arak. Kebanyakan orang gelandangan menjadi gelandangan disebabkan oleh ketagihan dadah (Ramli, 2021). Kebanyakan mereka telah ditinggalkan oleh keluarga, isteri dan anak sehingga terpaksa merempat sebagai gelandangan di jalanan (Mohd Khidir, 2017).

Keterlibatan dalam penagihan dadah menyumbang kepada peningkatan bilangan gelandangan (Farrah Wahida et al., 2018b). Kajian ke atas gelandangan bekas banduan oleh Mohd Alif et al. (2021a) dan Mohd Alif et al. (2021b) mengesahkan bahawa antara faktor utama kewujudan gelandangan adalah disebabkan ketagihan dadah di kalangan bekas banduan yang mana mereka memilih untuk hidup sebagai gelandangan secara berterusan selepas keluar daripada penjara. Penagihan ini turut menyebabkan mereka tidak mampu memperbaiki diri mereka. Mereka terperangkap dengan ketagihan yang sangat kronik. Ramai di kalangan gelandangan adalah daripada bekas banduan yang masih lagi terlibat dengan gejala penagihan dadah.

Kemiskinan dan desakan hidup

Gelandangan secara umumnya wujud disebabkan oleh kemiskinan, ketiadaan sumber pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas untuk hidup dan penolakan keluarga (Mohd Alif et al., 2021a). Pengangguran dalam kalangan orang gelandangan selalunya disebabkan oleh diskriminasi majikan, rekod jenayah, tahap pendidikan yang rendah, dan ketiadaan kemahiran yang diperlukan. Kegagalan memperolehi pekerjaan yang stabil menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang dalam mengubah hidup. Ketiadaan pendapatan menyukarkan mereka untuk menyewa rumah atau bilik walaupun secara harian. Keadaan ini menyebabkan terdapat sebahagian daripada mereka terpaksa tinggal di kaki lima, bangunan kosong dan di bawah jambatan dengan tidur hanya beralaskan kotak atau surat khabar. Desakan dan kesukaran hidup ini sering menolak mereka untuk terlibat dalam kegiatan jenayah. Ketiadaan pilihan hidup menjadikan penglibatan ke kancah jenayah sebagai aktiviti yang mudah terutama dalam memperoleh pendapatan. Keuntungan yang dapat diperoleh menerusi kegiatan jenayah menjadikan ia sebagai pilihan yang menguntungkan.

Kelompok gelandangan di Malaysia wujud di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Kesemua bandar raya berkenaan mempunyai pelbagai perkhidmatan dan infrastruktur bandar yang menarik orang gelandangan untuk tertumpu ke lokasi-lokasi fizikal tersebut. Orang gelandangan memilih untuk bertumpu di kawasan bandar disebabkan oleh penawaran yang pelbagai baik dari segi sosial, ekonomi, peribadi dan sebagainya. Bandar raya besar ini kebiasaannya mencatatkan jumlah gelandangan yang tinggi berbanding di kawasan luar bandar. Migrasi dalaman; iaitu apabila gelandangan yang berasal dari luar bandar menuju ke kawasan bandar atau metropolitan menyumbang kepada peningkatan bilangan orang gelandangan di kawasan-kawasan bandar. Kehadiran beramai-ramai turut memberi kesan kepada populasi sesuatu kawasan sehingga menyebabkan kepadatan yang terlalu tinggi. Kesemua ini seterusnya meningkatkan lebih banyak persaingan sehingga menyebabkan ramai daripada mereka gagal bersaing dan terpaksa hidup sebagai miskin bandar atau gelandangan. Kemiskinan bandar menyebabkan ramai individu akhirnya hidup sebagai gelandangan.

Jelas sekali, faktor kemiskinan merupakan faktor utama peningkatan dan kebanjiran masalah gelandangan di Malaysia (Farrah Wahida et al., 2018a). Kesukaran untuk keluar daripada kehidupan miskin membuatkan ramai yang terus kekal sebagai gelandangan. Ketiadaan pekerjaan menyebabkan mereka tiada wang untuk membeli makanan dan minuman termasuk menyewa atau membeli kediaman. Masalah miskin tegar yang menyebabkan ketidakmampuan untuk menyediakan tempat tinggal sehingga terpaksa tinggal di merata-rata tempat boleh menjadikan seseorang itu tergolong sebagai gelandangan. Ini adalah konsisten dengan definisi "gelandangan" itu sendiri yang merujuk kepada seseorang yang tidak mempunyai tempat tinggal yang memerlukan mereka terpaksa tinggal di perhentian bas, di kaki-kaki lima, di celah-celah lorong bangunan dan sebagainya (Syazwani et. al, 2019).

Kos sara hidup di bandar yang tidak sepadan dengan pendapatan menjadi bebanan dan memberi kesan kepada penghuninya; terutama yang memilih berhijrah ke kawasan bandar bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Pendapatan yang rendah menjadi penyebab mereka tidak mampu untuk mengubah nasib. Pendapatan yang diperolehi hanya mampu menampung kehidupan seharian sahaja. Ini kerana kebanyakan orang gelandangan juga tiada peluang untuk memilih jenis pekerjaan. Mereka terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan pada satu-satu masa dan hampir kesemuanya diberi upah yang rendah dan dibayar secara harian.

Seterusnya, kemiskinan boleh menyebabkan desakan hidup yang melampau. Kepayahan hidup boleh menyebabkan penglibatan dalam aktiviti jenayah semula. Ketiadaan pilihan hidup membuatkan mereka akan beralih arah kepada tingkah laku jenayah dengan harapan untuk memperoleh duit dengan cara mudah. Pelbagai aktiviti jenayah termasuk menjual dadah atau mencuri membolehkan golongan ini dapat menjana pendapatan. Seringkali akibat desakan hidup membuatkan mereka akan beralih kepada aktiviti yang tidak sah. Kesemua ini berpunca daripada kehidupan mereka yang terdesak dan miskin menjadikan jenayah sebagai pilihan hidup yang strategik.

Selain itu, kehidupan bergelandangan menjadikan mereka hidup dalam penuh dilema dan terdesak. Hidup bergelandangan menghadkan pilihan hidup orang gelandangan. Maka itu, tidak memeranjatkan apabila penglibatan ke dalam jenayah merupakan satu-satunya pilihan yang mereka ada. Desakan hidup menjadikan penglibatan dalam aktiviti jenayah sebagai kitaran hidup yang berterusan. Mereka akan bergelumang dengan jenayah berulang selagi mana mereka hidup di jalanan.

Kekurangan atau ketiadaan sumber ekonomi mendorong orang gelandangan melakukan aktiviti jenayah bagi menjana pendapatan. Mereka melihat tingkah laku sedemikian mampu menawarkan suatu pulangan berbentuk kewangan dengan mudah. Keadaan hidup yang tegang dan terdesak disebabkan kemiskinan yang menghimpit membuatkan mereka menjadikan aktiviti jenayah sebagai suatu pilihan terakhir. Hal ini tidak memeranjatkan apabila wujudnya segelintir gelandangan berterusan terlibat dalam aktiviti jenayah. Penangkapan dan pemenjaraan yang berulang tidak dapat menjadi asbab untuk mereka berubah. Aktiviti jenayah sentiasa menjadi pilihan mereka selepas dibebaskan dari penjara kerana ketiadaan bantuan atau sistem sokongan yang mampu mengekang mereka daripada melakukan jenayah. Keterdesakan hidup mendorong mereka untuk kembali ke kancah jenayah.

Rakan sesama gelandangan yang antisosial

Ketiadaan atau penolakan keluarga sering menyebabkan orang gelandangan (khususnya bekas banduan) beralih arah kepada rakan-rakan sesama penjenayah. Kebanyakan rakan-rakan yang hadir berkongsi ciri-ciri karakter yang sama seperti memiliki masalah ketagihan yang kronik, penolakan keluarga, ketiadaan pekerjaan yang tetap, tidak mempunyai hala tuju yang tetap dan sebagainya. Rakan-rakan ini sebagai pengganti kepada sistem sokongan yang mereka tiada. Kebanyakan mereka memperolehi kasih sayang daripada

rakan-rakan tersebut. Kehadiran rakan-rakan ini membawa pelbagai fungsi. Contohnya, membantu memberi maklumat seperti pendedaran makanan, makluman tentang pekerjaan, peluang dan ruang yang mungkin wujud, dan terdapat juga yang menjadi pembekal dadah kepada rakan sesama gelandangan.

Ramai gelandangan kronik terpengaruh dengan pulangan dan keuntungan yang dapat diperolehi daripada aktiviti jenayah yang dilakukan. Keadaan persekitaran yang destruktif dengan kehadiran rakan-rakan sesama penjenayah boleh mempengaruhi golongan ini untuk terjebak dalam aktiviti jenayah.

Pengangguran, peluang pekerjaan yang terhad dan pekerjaan yang cenderung kepada aktiviti jenayah

Selain itu, penulis turut mendapati pengangguran sebagai salah satu faktor yang boleh menyumbang kepada masalah jenayah dalam kalangan gelandangan. Ketiadaan pekerjaan menyebabkan kegagalan dalam memperoleh kewangan atau pendapatan. Golongan ini tiada pekerjaan disebabkan kegagalan mereka diterima masuk ke dalam mana-mana sektor pekerjaan. Majikan sering mendiskriminasikan golongan ini dari segi pengambilan pekerja (Mohd Alif et al., 2021b). Rekod jenayah dan status mereka sebagai gelandangan menjadi antara penyebab keengganan majikan untuk menggajikan para gelandangan. Pengalaman lepas yang tragik apabila menggajikan golongan sebegini menjadikan para majikan menjadi serik untuk mengambil mereka bekerja. Kebimbangan demi kebimbangan apabila mengambil gelandangan bekerja disebabkan mereka ini sering melampirkan liabiliti yang berat secara bersama. Maka, adalah tidak memmeranjatkan ramai golongan gelandangan kronik ini dilihat tidak mempunyai pekerjaan yang stabil atau tetap. Rata-rata akan memilih jalan yang tidak sah dalam menghasilkan pendapatan.

Ketiadaan pekerjaan menyebabkan gelandangan cenderung mengambil jalan mudah untuk memperoleh wang dengan melakukan jenayah seperti menyamun, merompak, pecah rumah dan sebagainya. Hal ini kerana, mereka terpaksa melakukan jenayah walaupun terpaksa berhadapan dengan risiko demi meneruskan kehidupan. Terdapat juga orang gelandangan yang mempunyai keluarga yang perlu ditanggung atau komitmen yang perlu dipikul. Mereka ini berpotensi tinggi untuk terlibat dalam aktiviti jenayah bagi memenuhi keperluan keluarga.

Penulis sering melihat pemilihan orang gelandangan dalam aktiviti jenayah dapat dibincangkan dari sudut teori Pilihan Rasional. Mereka membuat penilaian berkaitan keuntungan dan kesakitan yang boleh diperolehi daripada aktiviti jenayah yang dilakukan. Pemilihan melakukan jenayah berlaku apabila mereka merasakan bahawa mereka dapat memperoleh lebih banyak keuntungan; berbanding kesakitan. Mereka akan cuba mengambil risiko demi risiko, asalkan mereka boleh mencapai keuntungan tersebut.

Desakan hidup menjadikan mereka lebih berani untuk terlibat dengan jenayah seperti penjualan dadah, merompak atau mencuri bagi meneruskan kehidupan. Dengan kata lain, pengangguran adalah antara faktor penyumbang kepada gelandangan. Kehilangan pendapatan pula menyukarkan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup (Jeniri, 2020). Keadaan ini menunjukkan manusia yang sepatutnya berfikiran rasional boleh menjadi tidak rasional apabila berada dalam keadaan terdesak. Mata mereka boleh digelapkan dengan jaminan kepada wang yang dirasakan dapat diperolehi. Maka, terdapat gelandangan yang mengambil jalan pintas dengan melakukan jenayah demi kelangsungan hidup.

Ada orang gelandangan yang memilih menjadi pengemis dan juga penjaga tempat letak kereta secara haram di sekitar Kuala Lumpur bagi mendapatkan wang dengan mudah. Mereka melihat pekerjaan sebegini amat mudah, tidak membebankan, tidak perlu berada di bawah kawalan majikan dan mereka bebas melakukannya mengikut kesesuaian masa mereka. Kebanyakan orang gelandangan kurang meminati pekerjaan yang mempunyai peraturan, berada di bawah kawalan dan juga perlu hadir mengikut masa yang ditetapkan. Walaupun pekerjaan itu bersifat syif sekalipun, namun disebabkan mereka perlu patuh kepada waktu pekerjaan menyebabkan mereka melihat ia sebagai suatu yang membebankan buat mereka. Mereka ini merupakan golongan yang sukar untuk mematuhi masa pekerjaan terutama yang perlu datang pada waktu seawal pagi. Kebanyakan gelandangan menginginkan keseronokan dan kebebasan tanpa berada di bawah mana-mana kawalan. Sikap yang diamalkan ini menyukarkan mereka untuk keluar dari kepompong kemiskinan dan kehidupan bergelandangan.

Peningkatan kes jenayah akan mengundang perasaan takut dan layanan negatif dalam kalangan masyarakat apabila berhadapan dengan golongan gelandangan (Moore et al., 2012). Seperti sedia maklum, golongan gelandangan mempunyai pelbagai latar belakang seperti pengangguran, kehilangan pendapatan, bekas banduan, serta golongan yang mengalami kemerosotan

sosial (McNeil et al., 2014). Kebimbangan majikan untuk mengambil gelandangan bekerja menyebabkan mereka berterusan hidup menganggur. Sepertimana yang disebut pada awal bahagian ini, kehidupan menganggur merupakan antara penyebab yang akan membuatkan mereka memilih untuk kembali kepada jenayah.

Peluang mendapatkan wang dengan mudah bagi membiayai ketagihan dadah

Antara faktor penglibatan golongan gelandangan kepada jenayah juga adalah disebabkan oleh peluang mendapatkan wang dengan mudah. Aktiviti jenayah ini didapati menawarkan peluang kewangan yang besar. Terdapat ramai gelandangan yang mudah terpengaruh dengan tawaran kewangan yang dapat diperolehi dengan mudah. Hal ini membuatkan golongan gelandangan ini sering menjadikan aktiviti jenayah sebagai pilihan yang menarik.

Penjualan dadah, contohnya, menawarkan keuntungan yang tinggi. Ia membolehkan orang gelandangan menjana pendapatan yang banyak dalam sehari. Kesemua ini menarik minat yang tinggi buat orang gelandangan untuk terjebak dalam aktiviti tersebut. Pengangguran yang berlaku menjadikan peralihan kepada aktiviti penjualan dadah sebagai suatu yang menarik untuk difikirkan apabila ia boleh menjadi antara aktiviti yang boleh menawarkan pendapatan kepada gelandangan (Mohd Alif et al., 2021b). Selain itu, aktiviti penjualan dadah juga membolehkan mereka membiayai ketagihan dadah mereka. Mereka lebih mudah akses kepada dadah bagi memenuhi ketagihan yang mereka alami.

Kehidupan di bandar sering membawa kepada akses dan peluang kepada bekalan dadah yang mudah. Penjualan dadah tidak memerlukan komitmen yang tinggi memandangkan fleksibiliti yang ditawarkan oleh penjual dalam menentukan modus operandi yang dipilihnya. Akses kepada bekalan dadah yang mudah menyebabkan kebanyakan orang gelandangan rancak melakukan aktiviti jenayah ini; terutamanya di kawasan bandar. Permintaan yang tinggi dalam kalangan penagih di kawasan bandar memudahkan orang gelandangan untuk berniaga dadah. Isu penawaran dan permintaan yang tinggi menjadikan penjualan dadah sebagai penjualan yang menguntungkan. Ia menjadikan aktiviti penglibatan gelandangan ke dalam jenayah berlaku secara berterusan dan rancak.

Kegagalan berintegrasi semula ke dalam kehidupan masyarakat

Kebanyakan orang gelandangan merupakan bekas banduan. Kebanyakan bekas banduan pula gagal berintegrasi semula ke dalam masyarakat disebabkan oleh faktor penolakan ahli keluarga, faktor pengangguran dan diskriminasi masyarakat yang menyebabkan mereka mudah terjerumus kembali dalam kancah dadah. Bagi golongan gelandangan yang terlibat sebagai pengedar dadah, mereka melakukan aktiviti devian tersebut disebabkan oleh tekanan dan desakan hidup. Peralihan ke dalam aktiviti jenayah disebabkan oleh keterdesakan hidup yang dihadapi. Mereka sanggup melakukan apa sahaja aktiviti walaupun jenayah selagi ia mampu meraih dan menjana pendapatan. Keadaan ini menyebabkan mereka sanggup mengambil risiko menjadi seorang pengedar dadah kerana hasil yang lumayan. Mereka melihat penjualan dadah membolehkan mereka menjana pendapatan dengan mudah.

Penulis melihat situasi ini seperti terdapat 'permintaan (*demand*)' dan 'pengeluaran (*supply*)'. Terdapat permintaan yang tinggi dalam kalangan gelandangan ini terhadap dadah. Malahan, mereka turut mengenali pembeli atau klien dadah mereka yang hidup bergelandangan di jalanan. Pada masa yang sama juga, pengeluaran dadah sebenarnya sangat tinggi dan mudah didapati. Terdapat stok dan bekalan yang besar boleh didapati di sekitar bandar-bandar besar. Biasanya, orang gelandangan hanya sebagai penjual kecil atau turut dikenali sebagai '*runner*' dalam menjual secara kecil-kecilan dalam kalangan mereka. Mereka bukan tauke besar kepada dadah. Mereka hanyalah penjual kecil-kecilan yang cuba memperoleh pendapatan dan bekalan pada masa yang sama. Malahan, menerusi aktiviti pengedaran dadah juga boleh memudahkan mereka untuk mendapatkan bekalan dadah yang berterusan bagi memenuhi keperluan ketagihan yang dihadapi (Ismail, 2015).

Kawalan dan penguatkuasaan undang-undang yang kurang tegas

Kelemahan dan kurangnya penguatkuasaan telah menyebabkan berlakunya kesukaran dalam memantau kegiatan jenayah dalam kalangan gelandangan. Kawalan yang rendah daripada pihak berkuasa di kawasan tumpuan gelandangan menyebabkan golongan ini lebih berani untuk melakukan perbuatan jenayah. Kekurangan pengawasan dan kawalan boleh juga mengakibatkan penglibatan jenayah yang lebih rancak.

Tambahan pula, kebanyakan orang gelandangan tidak mengambil peduli mengenai undang-undang kerana pada pandangan mereka, tiada siapa yang akan mempedulikan apa yang mereka lakukan. Keadaan ini membuatkan mereka terus terlibat dengan jenayah semula. Ada juga dalam kalangan mereka yang sudah berulang kali masuk penjara. Pengulangan proses pemenjaraan sebenarnya tidak lagi memberi kesan kepada golongan ini. Setelah berulang kali keluar masuk penjara, mereka telah membentuk suatu perasaan 'familiar' dengan kawasan penjara tersebut. Mereka tidak lagi bimbang apabila dijatuhkan dengan hukuman penjara. Malahan mereka akan melihat penjara adalah bersifat sementara di mana mereka akan dibebaskan selepas tamat menjalani hukuman pemenjaraan.

Keadaan kesihatan gelandangan

Orang gelandangan seringkali mempunyai masalah kesihatan mental dan juga masalah kesihatan yang berpunca daripada kehidupan di jalanan. Keadaan ini berlaku ekoran kurangnya penjagaan dari segi kebersihan dan makan makanan yang tidak berkhasiat.

Remedi Masalah Gelandangan

Isu gelandangan ini telah lama diperdebatkan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mengatasinya. Namun, sehingga kini isu ini masih wujud dan gagal diatasi. Mana-mana negara di dunia juga masih belum mempunyai formula yang tepat dalam memperkenalkan perkhidmatan dan bantuan yang mampu mengurangkan masalah gelandangan. Ia boleh dibuktikan dengan masalah gelandangan yang semakin hari semakin ramai di kebanyakan negara.

Isu gelandangan seharusnya menjadi perhatian utama kerajaan demi kemakmuran dan kemajuan negara. Sebelum ini, badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), serta golongan berkepentingan menyediakan peruntukan yang tinggi untuk menghulurkan bantuan kepada golongan gelandangan seperti menyediakan penempatan sementara, menyediakan bantuan pekerjaan, makanan serta keperluan harian kepada mereka. Namun, bantuan makanan yang dapat disediakan oleh badan bukan kerajaan dan para dermawan adalah tidak tetap dan ada pasang surutnya. Pemberian bantuan tidak sering berlaku dengan rancak sepanjang tahun. Kesukaran dalam mendapatkan derma turut memberikan kesan kepada proses pemberian sumbangan oleh NGO.

Selain itu, ketiadaan sumber derma turut menyebabkan NGO menghadapi cabaran dalam memastikan aktiviti mereka bergerak lancar.

Malahan kadang-kadang ia boleh berbentuk bermusim; terutama pada waktu bulan perayaan seperti Ramadan dan Syawal terutamanya di mana pelbagai bentuk bantuan yang diberikan oleh individu perseorangan, dan NGO. Namun begitu, terdapat kesan negatif dalam bentuk pemberian makanan sebegini. Hal ini kerana pemberian tersebut kadangkala boleh mewujudkan sifat 'manja' dalam kalangan gelandangan dan membuatkan mereka kurang berusaha untuk kelangsungan hidup. Walaupun keadaan ini membimbangkan, namun perlu diingatkan semula bahawa makanan merupakan keperluan asas yang penting.

Mohd Suhaimi Khaidzir et al. (2016) mendapati kebanyakan orang gelandangan yang bekerja meraih pendapatan yang sangat rendah dengan hanya sebanyak RM20 sehari ataupun RM600 sebulan. Ini membuktikan kehidupan mereka yang sangat miskin dan menyedihkan sehingga menyukarkan untuk mengubah nasib mereka. Mereka menggunakan pendapatan seharian yang kecil itu untuk memastikan kelangsungan pada hari tersebut. Keadaan ini menyebabkan pendapatan yang diterima perlu digunakan bagi membiayai keperluan lain seperti bilik sewa. Terdapat dua bentuk bayaran sewa iaitu secara harian sebanyak RM20-25 sehari dan RM450-550 untuk sebulan.

Pada masa yang sama juga, terdapat gelandangan yang memilih aktiviti yang tidak sah dalam menjana pendapatan. Antaranya seperti mencuri, menjual dadah, merompak, dan sebagainya. Oleh itu, suatu usaha perlu dilakukan bagi menyediakan bantuan dan perkhidmatan yang lebih holistik dalam mengubah penetapan minda dan sikap mereka agar mampu keluar daripada kehidupan gelandangan. Keadaan ini membuatkan pentingnya untuk mengenal pasti bentuk keperluan yang diperlukan oleh gelandangan ini dan mencari cara untuk mencelah faktor-faktor risiko yang menyebabkan penglibatan mereka dalam jenayah.

Di samping itu, Akta Orang Papa 1977 juga dilihat terlalu lama dan perlu dikaji semula mengikut keadaan semasa isu gelandangan yang melanda negara. Wujud keperluan untuk menambah baik akta sedia ada bagi membolehkan input-input penting dan bersesuaian dengan kehendak masa dalam membantu golongan gelandangan. Oleh kerana itu, cadangan yang dibawakan dalam kertas ini diharap dapat memberi idea dan input kepada pihak-pihak berkepentingan untuk mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah ini dari berlarutan.

Penyelesaian berkaitan masalah gelandangan ini masih hangat diperdebatkan. Gelandangan menjadi isu atau masalah sosial yang perlu diberi

tumpuan oleh pihak berwajib. Kewujudan gelandangan di ibu-ibu kota seluruh Malaysia sememangnya merisaukan semua pihak. Penumpuan gelandangan beramai-ramai saban tahun boleh memberikan kebimbangan yang besar kepada negara terutama dalam bidang kekeluargaan, kemasyarakatan, dan kebajikan. Peningkatan golongan gelandangan ini secara beramai-ramai boleh mengubah landskap kawasan di suatu tempat yang menjadi tumpuan. Isu ini menjadi lebih serius dan kritikal apabila mendapati kehidupan gelandangan dikaitkan dengan peningkatan insiden jenayah dalam negara

Pelbagai langkah yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung permasalahan ini seakan masih belum menemui titik nuktahnya. Sehingga kini, masih belum ada program yang benar-benar berjaya mengurangkan masalah jenayah dalam kalangan gelandangan; termasuk juga mengeluarkan mereka dari kehidupan bergelandangan. Jika masalah ini hendak ditangani, kerajaan perlu melihat permasalahan gelandangan dari akar umbinya dan kaedah penyelesaian secara menyeluruh.

Institusi kekeluargaan perlu diperkukuhkan, di samping menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada mereka yang keciciran pelajaran di samping menguatkuasakan undang-undang aktiviti pengedaran dan penagihan dadah. Pelbagai bantuan dan perkhidmatan yang dapat diperkenalkan dengan segera terutama membantu menggiatkan proses bantuan tempat tinggal, penempatan pekerjaan, rawatan penyalahgunaan dadah, program kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Kesemua ini didapati penting untuk disediakan dalam memastikan proses mengurangkan populasi gelandangan, sekali gus membantu mengeluarkan golongan gelandangan ini dari kehidupan di jalanan pada masa akan datang.

Penutup

Isu gelandangan perlu diambil serius oleh semua pihak bagi mengurangkan kadar jenayah dalam negara dan sekali gus membantu mengeluarkan golongan tersebut daripada kehidupan jalanan. Faktor kemiskinan dilihat menjadi faktor yang utama dalam kewujudan gelandangan. Keadaan hidup yang miskin menyukarkan golongan gelandangan ini untuk keluar daripada kehidupan bergelandangan. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai pilihan yang banyak dalam proses pembuatan keputusan di dalam hidup. Di samping itu, kemiskinan turut membawa kepada tekanan dan desakan hidup.

Golongan gelandangan juga tidak pernah serik dengan kesan perundangan yang boleh dikenakan apabila ditangkap dengan aktiviti jenayah. Keadaan ini menyebabkan pemulihan gelandangan yang bersifat holistik dilaksanakan. Hal ini kerana telah terbukti bahawa hukuman penjara tidak memberi kesan untuk memulihkan mereka. Mereka akan berterusan terlibat dalam aktiviti jenayah setiap kali dibebaskan. Penglibatan jenayah disebabkan oleh kitaran hidup yang destruktif membuatkan penglibatan dalam aktiviti jenayah menjadi satu-satunya pilihan yang dapat difikirkan. Oleh yang demikian, pelbagai pihak harus mengambil inisiatif agar golongan ini boleh meningkatkan sumber ekonomi dan mempunyai sokongan sosial yang baik bagi membolehkan mereka keluar dari hidup gelandangan. Maka dengan itu, ia dijangka berupaya untuk mengelakkan mereka ini untuk tidak lagi terlibat dengan jenayah. Oleh yang demikian, langkah proaktif perlu segera dilakukan bagi mengurangkan populasi gelandangan sebagai satu cara bagi mengurangkan jenayah.

Penghargaan

Pengkaji memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penajaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 bertajuk '*Pembinaan Dan Pengujian Modul Minda Keusahawanan Gelandangan Bekas Banduan: Inisiatif Dan Impak Koreksional*' sebanyak RM 10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia untuk kajian ini dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 Bertajuk '*Bengkel Program Kesukarelawanan Bandar Selamat*' (KBS) dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Rujukan

Abdul Karim, A. H., & Mokhtar, A. E. (2019). Peranan badan-badan dakwah dalam mendekati golongan gelandangan: Satu tinjauan. *Jurnal Al-Sirat*, 18(1), 1–18.

Abdul Rahim, R. (2021 April 6). Kasihanilah nasib mereka. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/04/691706/kasihanilah-nasib-mereka>

Ahmad Kamil, M. (2006 Disember 9). Bandar Bebas Jenayah. Available from: <http://www.utusan.com.my>, 2006.

Amir, J. (2020). Hilang pekerjaan, hilang pendapatan. <https://sarawakvoice.com/2020/05/11/hilang-pekerjaan-hilang-pendapatan/>

Arifin, R., Hashim, M., Che Ngah, M. S. Y., Nayan, N., Saleh, Y. (2015). Tahap kebisingan trafik dan kesannya terhadap persekitaran pengajaran-pembelajaran sekolah di pusat bandar Kuala Terengganu. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space* 11(4), 10–23.

Aswab Mahasin (1984). *Gelandangan: pandangan ilmuwan sosial*. Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial (LP3ES): Indonesia.

Bernama (2021, April 14). Polis tahan 25 gelandangan disyaki terbabit dengan dadah.

https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=1952306

Drani, S., Azman, A. & Jamir Singh, P. S. (2019) *Pengetahuan Gelandangan Terhadap Peranan Dan Keperluan Pekerja Sosial*. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 15(2), 141-154.

Drani, S. (2016). *Dinamik Kehidupan Golongan Gelandangan di Pulau Pinang*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

Farrah Wahida Mustafar et al. (2018b) *Profil Gelandangan: Satu Kajian Literatur*. Capaian pada 01 November 2021 dari laman web <https://www.researchgate.net/publication/329772284>

Hamdan, N. S. & Herman, S. S. (2020). *Homeless in Kuala Lumpur: a way out of the street*. *Malaysia Architectural Journal*, 2 (1), 17 - 24.

Hamid, M. S., (2021 April 6). Mengemis untuk beli arak, dadah. <https://www.kosmo.com.my/2021/04/06/mengemis-untuk-beli-arak-dadah/>

Hanafi, M. S. (2016). *Antara Bantuan Kemanusiaan dan Tret Personaliti*, *Majalah Dakwah*, Isu Ke-32, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 16-20.

Hibrahim, M. A. (2021). [LAPORAN KHAS] Gelandangan kini masalah negara. <https://www.sinarharian.com.my/article/125405/LAPORAN-KHAS/ISU-gelandangan-kini-menjadi-satu-masalah-nasional-sejak-pandemik-Covid-19-menular>

Idris, M. A. H., & Ramli M. A. (2017). Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab. Dlm Najahudin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. *Isu-Isu Kotemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Shah Alam: Akademik Pengajian Islam Kotemporari.

Ismail, M. A. (2015). *Dunia gelandangan dan penyalahgunaan dadah*. [http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9654/1/18.11.2015 - Sentral %285%29.pdf](http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9654/1/18.11.2015%20-%285%29.pdf)

Jamaludin M. (2007). Aspek keselamatan awam dalam pembentukan Bandar Selamat di Malaysia: Kajian kes Alor Star Kedah. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Kanyo, N.-I., Hj Md Nor, N., Rainis, R., Abdul Rahman, A. T. & Jubit, N. (2015). Jenayah dan agenda pembangunan di Malaysia: Satu tinjauan. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space* 11(1), 124 – 134.

Kanyo, N.-I. & Hj Md Nor, N. (2007). Jenayah dan perbandaran: Satu kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Geografi 2007

Universiti Perguruan Sultan Idris, "Dunia Tanpa Sempadan". Anjuran Jabatan Geografi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 10-11 September.

Khurshid, A. & Gadnis, A. (2019). Using blockchain to create transaction identity for persons experiencing homelessness in America: Policy proposal. *JMIR Res Protoc*, 8(3):e10654

McNeil, R., Guirguis-Younger, M., & Hwang, S. W. (2014). Homelessness & Health in Canada: An Introduction. https://www.researchgate.net/publication/264557214_Homelessness_Health_in_Canada_An_Introduction/citations

Md Latif, F., Nordin, N. A., & Peng Au-Yong, C. (2015). Rekabentuk bagi keselamatan bandar di Kuala Lumpur: Satu ulasan kritis. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11 issue 9 (40-53)

Md Denin, M. J. A., (2020). Masalah tanpa penyelesaian. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/02/547884/masalah-tanpa-penyelesaian>

Mohd Alif Jasni., Noralina Omar., Siti Hajar Abu Bakar., & Norzureyati Che Mohd Nasir , N. (2021a). Meneroka Faktor Peribadi Gelandangan Bekas Banduan Berhijrah Secara Berulang Kali ke Kuala Lumpur dari Perspektif Teori Migrasi oleh Everett S. Lee. *Sains Humanika* 13:3 (2021), 49-60. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1869/957>

Mohd Alif Jasni., Noralina Omar., Siti Hajar Abu Bakar., & Norzureyati Che Mohd Nasir , N. (2021b). Faktor Mempengaruhi Bekas Banduan menjadi Gelandangan: Kajian Kes di Kuala Lumpur. *Jurnal Perspektif* (2021Jil. 13Bil. 1(102-116). <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/4616/3137>

Mohd Alif Jasni., Siti Hajar Abu Bakar Ah., Jal Zabdi Mohd Yusoff., Khairiyah Md. Shahid., NOralina Omar., & Zaiton Azman (2018). Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Geografia*, 14(1), 87-101.

Mohamad, M. S., Ismail, K., Subhi, N. & Nik Hairi Omar (2016). Hubungan di antara kesihatan mental dengan minat kerjaya dalam kalangan gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia. *Akademika*, 86(1), 11-19.

Moore, K., Stuewig, J. & Tangney, J. (2012). Jail inmates' perceived and anticipated stigma: implications for post-release functioning. *Self and Identity*: 1–21, DOI:10.1080/15298868.2012.702425

Mustafar , F. W. et al. (2018a) Fenomena Gelandangan : Faktor Kebanjiran "Komuniti Jalan". Capaian pada 01 November 2021 dari laman web <https://www.researchgate.net/publication/329772279>

Muzafar Shah H. & Baharom A.H. (2009). Crime and economic conditions in Malaysia: An ARDL Bounds Testing Approach. *Journal of Social Economic*, 36, 1071-1081.

Ramli, M. A. (2021). Polis tahan gelandangan rosakkan barang surau <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=57637>

Ramaloo, P. (2014, Julai 5). Orang lapar akan jadi orang yang marah. <https://www.malaysiakini.com/news/26780>

Shamsuddin, S. & Sulaiman, A. B. (2000). Improving Quality of Life in Cities of The new Millenium Through Developing Sense of Place in Urban Design – The Malaysian Scenario. *Jurnal Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia

Utusan Borneo Online (2016 Jun 18). Kanak-kanak gelandangan 11 tahun positif dadah. <https://www.utusanborneo.com.my/2016/06/18/kanak-kanak-gelandangan-11-tahun-positif-dadah>

Zakaria, M. K., (2017 September 23). Ditinggal anak dan isteri, hidup merempat akibat dadah. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/09/329309/ditinggal-anak-dan-isteri-hidup-merempat-akibat-dadah>